

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BILANGAN 4/1969.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.
 Settlement Collector, Terengganu.

KECUAIAN MENJALANKAN TUGAS DALAM PENTADBIRAN TANAH.

Telah didapati bahawa ada beberapa kesilapan dan masalah-masalah besar yang membawa kepada menyinggung nama baik Kerajaan Negeri berlaku di dalam urusan pentadbiran tanah di daerah-daerah. Kejadian ini adalah disebabkan kecuaiian atau pun kelalaian pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang menjalankan hal pentadbiran tanah dengan tidak meneliti lebih dalam atau cuai bagi menjalankan sesuatu kewajipan yang ditugaskan kepadanya.

2. Bagi mengelakkan berlakunya perkara yang seumpamanya ini di masa hadapan, Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan semua kakitangan adalah diberi ingatan supaya menjalankan tugas masing-masing berhati-hati.

3. Perhatian Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dirujukkan kepada Seksyen 19 - 22 Kanun Tanah Negara dan juga Pemungut-pemungut Hasil Tanah dengan ini adalah diminta kerjasama melaporkan ke Pejabat ini mana-mana kes yang dijumpai olehnya atas seseorang kakitangan itu telah melakukan kecuaiian dan kelalaian yang mengakibatkan sesuatu keburukan dan kerugian kepada kerajaan dalam hal pentadbiran tanah, supaya satu tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang berkenaan.

4. Diharap pekeliling ini diedarkan kepada pengetahuan semua pegawai dan kakitangan Pejabat Tanah di Daerah masing-masing.

t.t.
 (DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)
 Pesuruhjaya Tanah dan Galian
 Terengganu.

Bil. PTG.TR. 233/67/ - (26)

s.k.
 Y.B. Setiausaha Kerajaan,
 Terengganu.

Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri,
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 7hb. Mei, 1969.